



Hospital Cyberjaya berpotensi jadi hospital rujukan utama

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Mac 9, 2023 @ 4:02pm
bhnews@bh.com.my

CYBERJAYA: Kedudukan strategik menjadikan Hospital Cyberjaya berpotensi sebagai hospital rujukan utama untuk apa-apa bencana di pintu masuk negara iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA Terminal 1) dan KLIA Terminal 2.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata arena sukan Litar Antarabangsa Sepang dan Silicon Valley Cyberjaya juga dapat memanfaatkan perkhidmatan kesihatan di hospital itu.

"Sejajar dengan usaha memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan negara, pembinaan Hospital Cyberjaya ini adalah bertujuan mengurangkan Bed Occupancy Rate (BOR) hospital-hospital di Lembah Klang yang tinggi.

"Pada masa ini, kadar penggunaan katil di hospital-hospital awam di daerah Sepang dan Hulu Langat terutamanya Hospital Kajang adalah melebihi 90 peratus sementara BOR melebihi 80 peratus bagi Hospital Serdang dan Hospital Ampang," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni pada Majlis Perasmian Hospital Cyberjaya hari ini.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan Hospital Cyberjaya itu.

Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Mengulas lanjut, Zaliha berkata, terdapat isu prosedur pembedahan yang tertunggak di mana 85.1 peratus daripada kes tertunggak di sekitar Lembah Klang bertumpu di hospital awam sekitar Cyberjaya.

Sehubungan itu, katanya, pelaksanaan hospital kluster antara Hospital Cyberjaya dengan Hospital Selangor Selatan (Kajang, Serdang dan Ampang) dapat memperkukuhkan perkongsian sumber serta perkhidmatan kepakaran untuk jangka masa panjang.

Menerusi pembinaan Hospital Cyberjaya dan kerjasama fasiliti kesihatan lain, pelbagai program berkaitan kesihatan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih terangkum dan menyeluruh.

"Seperti perluasan aktiviti saringan kesihatan, pelaksanaan program imunisasi kepada golongan wanita dan kanak-kanak, aktiviti pencegahan dan pengawalan penyakit dan aktiviti perawatan perubatan kepada pesakit di daerah Sepang.

"Bagi mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan primer kepada penduduk setempat, Klinik Kesihatan Cyberjaya juga telah dibangunkan dalam kawasan hospital dengan menukar ganti bangunan asrama jururawat.

"Ini untuk menawarkan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak bagi masyarakat setempat sekali gus mengurangkan kesesakan di Klinik Kesihatan Dengkil yang terletak 22 kilometer daripada fasiliti ini.

"KKM sedang meneliti keperluan untuk menyediakan sebuah mesin MRI untuk menampung keperluan semasa serta peranan hospital ini sebagai hospital rujukan bagi sebarang kejadian bencana KLIA dalam memastikan perkhidmatan kesihatan dilaksanakan sebaik mungkin," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) juga sedang meneliti keperluan untuk mewujudkan perkhidmatan psikiatri di Hospital Cyberjaya dalam masa terdekat.

"Trend peningkatan populasi warga emas di seluruh negara adalah isu global yang diakui oleh World Health Organization (WHO), di mana WHO telah memperkenalkan United Nations Decade Of Healthy Ageing (2021-2030) untuk memberi panduan kepada pelbagai kementerian dan organisasi.

"KKM memandang serius berhubung perkara ini dan sedang mengkaji untuk mewujudkan perkhidmatan perubatan geriatrik di Hospital Cyberjaya.

"Perkara ini dapat memanfaatkan warga emas yang menetap di daerah Sepang dan kawasan sekitarnya termasuk tiga pusat jagaan warga emas swasta di Sepang yang menempatkan kira-kira 166 orang," katanya.

Zaliha berkata, KKM akan sentiasa mempertingkatkan tadbir urus dan pemantauan projek pembangunan fasiliti KKM bagi memastikan penyampaian penjagaan kesihatan yang cekap dan berkesan disediakan kepada rakyat.